

16 JAN 1996

Mahathir-Australia

BUKAN MASANYA LAGI BAGI AUSTRALIA SERTAI ASEAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bukan masanya lagi bagi Australia menyertai Asean.

Dr Mahathir berkata isu Australia menyertai Asean tidak dibincangkan semasa Perdana Menteri Australia Paul Keating mengunjungi beliau di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri di sini.

"Bukan sekarang, saya rasa," katanya semasa menjawab satu soalan daripada seorang pemberita Australia selepas pertemuan itu.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dalam 'The Australian Financial Review' semalam bahawa Australia dan New Zealand satu hari nanti boleh menyertai Asean yang mempunyai tujuh anggota kini dan bahawa idea itu "boleh difikir" dan "dibahaskan."

Keating tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi tiga hari.

"Keating secara jelas malam tadi (dalam ucapannya pada jamuan malam meraikan beliau oleh Dr Mahathir) bahawa Australia tidak berhasrat menjadi negara anggota Asean, negara Eropah atau sebuah negara Amerika tetapi Australia dan Malaysia menghargainya," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata mereka menumpukan perbincangan mengenai hubungan ekonomi Australia dan Asia dan "tidak terlalu banyak mengenai politik."

Sementara itu Ketua Setiausaha Kementerian Luar Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar berkata idea bagi Australia menyertai Asean adalah terlalu awal untuk dibincangkan kerana keutamaan Asean sekarang ialah mengumpulkan kesemua 10 negara Asia Tenggara ke dalam kumpulan itu menjelang akhir kurun.

"Mungkin terlalu awal untuk mengkaji konsep meluaskan perimeter geografi Asean," katanya.

Ahmad Kamil semasa memberi taklimat kepada media tempatan mengenai pertemuan selama satu jam antara Dr Mahathir dan Keating itu berkata perbincangan mereka kebanyakannya mengenai hubungan dua hala, telekomunikasi, penyelidikan dan pembangunan, perbankan dan latihan perfileman.

Kedua-dua pemimpin juga bersetuju supaya Australia dan Malaysia berkongsi kepakaran untuk membolehkan syarikat-syarikat swasta mereka menjalankan secara usahasama projek-projek pembangunan di negara-negara dunia ketiga yang lain, katanya.

Ahmad Kamil berkata hubungan Malaysia-Australia akan lebih memberi penekanan kepada perdagangan dan ekonomi.

Buat masa ini pelaburan Malaysia di Australia berjumlah US\$3,000 juta sementara pelaburan Australia di Malaysia ialah US\$300 juta.

Beliau berkata Keating memberitahu Dr Mahathir mengenai pemotongan duti import automobil dan penarikan balik kuota import negaranya.

Malaysia mengeksport 1,151 kereta Proton ke Australia sejak enam bulan lepas, katanya.

Beliau juga berkata Australia bersedia berkongsi kepakaran dalam sistem perbankan elektronik dengan Malaysia.

Australia juga bersedia berkongsi kepakarannya mengenai sekolah perfileman untuk kemajuan pelakon, pengarah dan pengeluaran filem tempatan.

Ahmad Kamil berkata Dr Mahathir telah meminta Australia supaya lebih responsif terhadap isu-isu Asia Barat terutama proses damai Israel-Palestin.

Dr Mahathir juga menerangkan kepada rakan sejawatannya itu mengenai

sidang kemuncak Asean baru-baru ini, kehadiran pasukan tentera Malaysia di Bosnia dan pelancaran satelit pertama Malaysia, Measat I.

Dr Mahathir juga mempelawa Keating membuat lawatan tidak rasmi ke negara ini terutama ke Langkawi. -- BERNAMA